

Malaysia bangunkan 2 teknologi kesan virus Covid-19




Foto hiasan

Suraya Roslan

suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia sedang membangunkan dua teknologi menerusi universiti tempatan yang dibiayai Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk mengesan virus Covid-19.

Timbalan Menteri, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, teknologi berkenaan adalah pengesanan menggunakan asid deoksiribonukleik (DNA).

"Selain itu, teknologi berasaskan pengesanan gentian fiber optik ke atas sampel air liur turut giat dibangunkan.

"Teknologi ini hasil kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan MOSTI," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, kebelakangan ini media melaporkan beberapa penemuan baharu berkenaan alat mengesan Covid-19 di beberapa negara jiran seperti Singapura dan Indonesia.

"Malaysia juga tidak ketinggalan, teknologi yang sedang dibangunkan universiti tempatan ini masih lagi dalam fasa pembangunan dan piawaiian bagi memastikan teknologi ini selamat untuk digunakan dan memberikan bacaan yang tepat.

"Usaha ini sangat penting bagi memastikan tahap kecekapan mengesan virus Covid-19 berada tahap yang lebih tinggi dan berkesan," katanya.

Ahmad Amzad berkata, selain daripada teknologi mengesan virus Covid-19, terdapat juga beberapa usaha penyelidikan dan pembangunan dalam ekonomi kurang sentuh, teknologi tinggi (low touch, high tech) untuk memudahkan kehidupan seharian dalam mengharungi norma baharu.

"Tahun lalu, MTDC (Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia), sebuah agensi di bawah MOSTI melancarkan teknologi robotik untuk diguna pakai bagi menyelesaikan isu kebersihan dan pengangkutan barang di salah sebuah pasar awam negara ini.

"Selain itu, pernah tular sebelum ini mengenai Robot Makcik Kiah 19 (MCK19) atau Key Innovations Assisting Healthcare (KIAH) yang dicipta bagi membantu melakukan kerja petugas barisan hadapan," katanya.

Menurutnya, MOSTI sendiri melancarkan Malaysia Grand Challenge bagi mendepani cabaran terkini negara dengan mengambil kira cabaran tempatan dan antarabangsa.

"Selain itu, kita juga ada MyHackhaton, National Technology Industrial Sandbox (NTIS) dan sebagainya.

"Kerajaan sentiasa mengalu-alukan dan menerima idea dan teknologi sebegini yang dapat membantu mutu perkhidmatan awam atau memudahkan aktiviti seharian rakyat seiring dengan pendekatan norma baharu," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 3 Februari 2021 @ 11:31 AM